

PKNS Uptown Shah Alam kembali beroperasi

SHAH ALAM – PKNS Uptown Shah Alam kembali beroperasi dan dibuka sepenuhnya kepada pengunjung mengikut prosedur operasi standard (SOP) bagi mencegah penularan pandemik koronavirus (Covid-19).

Pengurus Besar Pembangunan Wilayah Utara PKNS, Ir Mohd Muhiidin Farharuddin berkata, pembukaan semula Uptown itu selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dikuatkuasa kerajaan sejak minggu lalu.

Menurutnya, pihak PKNS sudah melakukan proses sanitasi sebelum semua peniaga dan pengunjung dibenarkan memasuki premis jualan bagi memastikan kebersihan dan keselamatan semua pihak.

Beliau berkata, pihaknya turut menempatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat (Rela) bagi mempertingkatkan kecekapan pengawalan kawasan premis.

“Sebelum masuk ke Uptown Shah Alam, setiap pengunjung diwajibkan memakai topeng muka dan menyaring suhu badan.

“Pengunjung juga perlu menggunakan aplikasi Se-



Pengunjung Uptown Shah Alam mencatat bacaan suhu dan maklumat diri.

Langkah bagi membantu pengesanan kontak dan hanya 100 pengunjung dibenarkan pada satu-satu masa,” katanya menerusi kenyataan semalam.

Mohd Muhiidin berkata, pembukaan semula Uptown Shah Alam adalah langkah tepat dalam pelan pemulihan ekonomi kepada lebih 400 peniaga di situ.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam kerana memberikan kerjasama

terutamanya dalam penyelarasan SOP operasi seterusnya memberi kelulusan pembukaan kembali Uptown Shah Alam.

“PKNS Uptown Shah Alam dibuka setiap hari bermula 3 petang hingga 10 malam sepanjang tempoh PKPP.

“Pengunjung dinasihatkan sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan serta elakkan membawa golongan berisiko bagi mencegah jangkitan Covid-19,” katanya.



Uptown Shah Alam dibuka sepenuhnya kepada pengunjung mengikut SOP ditetapkan bagi mencegah jangkitan wabak Covid-19.



Seorang pengunjung menyaring suhu badan di pintu masuk Uptown Shah Alam.